

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 61



[umgsu.org.my](http://umgsu.org.my)



[kkaum@um.edu.my](mailto:kkaum@um.edu.my)

## ISI KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Notis Mesyuarat	2
2	Agenda Mesyuarat	3
3	Ucapan Presiden KKAUM	4
4	Melantik Tiga (3) Orang Pemeriksa Undi	5
5	Pemilihan Pegawai Utama Kesatuan Sesi 2023 – 2025	5
6	Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-59	5-14
7	Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa Kali Ke-60	15-18
8	Laporan Tahunan Ke-61	19-33
9	Anggaran Belanjawan 2023 – 2025	34
10	Resolusi	35
11	Pelantikan Juruaudit Dalam	35
12	Pelantikan Juruaudit Luar	35
13	Pelantikan Penimbang Tara	35
14	Pelantikan Pemegang Amanah	35
15	Pelantikan Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM	35
16	Pelantikan Ahli Tabung Pembangunan UMGSU	35
17	Pelantikan Ahli Tabung Kebajikan KKAUM	35
18	Hal-Hal Lain Dimana Notis Diberikan	35
19	Ucapan Penangguhan	35



11 Ogos 2023

**KEPADA SEMUA AHLI KKAUM**

Saudara / Saudari,

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-61**

---

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-61 akan diadakan pada tarikh, masa serta tempat seperti berikut:

**Tarikh : 21 September 2023 (Khamis)**

**Masa : 2.00 petang**

**Tempat : Auditorium Mohd Asri Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya**

Notis ini dikeluarkan mengikut peraturan 7(a) Perlembagaan Kesatuan. Ahli-ahli adalah diminta menghantar resolusi atau usul untuk pindaan peraturan jika ada dan pencalonan bagi pemilihan Pegawai-Pegawai Utama Kesatuan sesi 2023-2025. Perkara berikut perlu dikemukakan kepada Setiausaha Agung ke alamat **No. 9, Jalan 16/10, 46350 Petaling Jaya, Selangor selewat-lewatnya pada 18 Ogos 2023 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari.**

Borang pencalonan (dilampirkan) atau boleh didapati di Pejabat Kesatuan pada waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sekian, harap maklum.

Yang menjalankan amanah,

**NORSHIDA ABDUL MANAN**

Setiausaha Agung

## AGENDA MESYUARAT

- Ucapan Presiden
- Melantik Tiga (3) Orang Pemeriksa Undi
- Pemilihan Pegawai Kesatuan Sesi 2023 – 2025
- Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-59
- Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa Kali Ke-60
- Perkara-Perkara Berbangkit
- Menerima Laporan Tahunan ke-61
- Menerima Laporan Kewangan & Penyata 1 April 2022 – 31 Mac 2023
- Menerima Laporan Tabung Biasiswa Pelajaran 1 April 2022 – 31 Mac 2023
- Menerima Laporan Tabung Pembangunan UMGSU berakhir 31 Mac 2023
- Anggaran Belanjawan 2023-2025
- Resolusi
- Pelantikan Juruaudit Dalam
- Pelantikan Juruaudit Luar
- Pelantikan Penimbang Tara
- Pelantikan Pemegang Amanah
- Pelantikan Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM
- Pelantikan Ahli Lembaga Tabung Pembangunan UMGSU
- Pelantikan Ahli Tabung Kebajikan KKAUM
- Hal-Hal Lain Dimana Notis Diberikan
- Ucapan Penangguhan

# Ucapan Presiden

## Mazmir Mohd Amin

*Presiden*

Alhamdulillah syukur kepada Maha Pencipta kerana dengan izinNya saya diberikan kesempatan untuk merakamkan ucapan dalam buku laporan kali ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan KKAUM kali ke 61. Mesyuarat Agung kali ini merupakan medium untuk kita berbincang dan mencapai kata sepakat demi kesejahteraan semua ahli yang bernaung di bawah payung Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaya. Terima kasih kepada semua ahli yang sentiasa berdiri teguh di belakang kami sebagai pemangkin dan juga kekuatan organisasi kita di dalam Universiti Malaya ini.



Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian. Tahun 2023 semakin mencabar dimana peningkatan harga barang adalah subjek utama pada masa kini. Sejarar dengan itu, pada waktu ini rakan gabungan kita di Cuepacs, MTUC dan Majlis Bersama Kebangsaan sedang giat membuat desakan kepada pihak Kerajaan berkenaan isu gaji dalam perkhidmatan awam dipertingkatkan menjadi angka paling minima dalam skala gaji kepada RM1,800 manakala diperingkat swasta pula sebanyak RM1,500. Sebagai kesatuan yang cakna dengan isu semasa ini, kita juga tidak melepaskan peluang untuk berada dalam komposisi pemikir yang membincangkan isu yang sama. Kehadiran saya dalam Jawatankuasa Tertinggi Cuepacs, MTUC dan Majlis Bersama Kebangsaan termasuk rakan-rakan Pegawai Tertinggi dan Exco memperlihatkan kesatuan ini bukan sahaja prihatin terhadap isu dalaman Universiti malah isu negara yang sedang hangat dibincangkan. Kesannya, semua permasalahan kita sampai kepada peringkat tertinggi pembuat dasar di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam pada masa sama, kesatuan sedar isu dalaman yang masih hangat diperkatakan tentang pelaksanaan pertukaran staf yang berpusing sehingga 6 kali kitaran dilihat antara perkara kurang baik dilakukan oleh Universiti. Inshaallah, pihak kesatuan sentiasa mengambil peduli permasalahan dalaman ini. Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaya sentiasa melihat, mendengar dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan setiap ahli yang berada dibawah naungan kami akan sentiasa terbela dan diutamakan. Bertitik tolak dengan slogan yang sentiasa kami canangkan iaitu "Pemudah Cara Staf Pelaksana" akan sentiasa kami kotakan walaupun cabaran untuk menyelesaikan sesuatu isu itu cukup perit dan mengambil tempoh yang lama untuk diselesaikan.

Bagi kami, setiap isu dan permasalahan pasti ada jalan penyelesaiannya. Sehingga ke hari ini Alhamdulillah, jalinan hubungan diantara kesatuan dan pihak Pengurusan Universiti Malaya amat baik dan selalunya mendapat kesepakatan yang murni demi memastikan semua warga pelaksana dapat menjalankan tugas yang di amanahkan dengan berkesan.

Mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua ahli kesatuan kerana membantu kami dalam menyalurkan maklumat-maklumat penting demi kebaikan bersama. Saya berharap agar kepercayaan anda terhadap pimpinan ini akan terus utuh demi memartabatkan kesatuan yang di cintai. Sekian, terima kasih.

**"Dan berbuatlah kamu akan kebaikan supaya kamu mendapat kemenangan." (Surah al-Hajj:77)**

## 2. Melantik Tiga (3) Orang Pemeriksa Undi

Sdra./i: .....

Sdra./i: .....

Sdra./i: .....

## 3. Pemilihan Pegawai-Pegawai Utama Kesatuan Sesi 2023 – 2025

Bil	Jawatan	Nama Calon
1	Presiden	
2	Timbalan Presiden	
3	Setiausaha Agung	
4	Timbalan Setiausaha Agung	
5	Setiausaha Kewangan	
6	Timbalan Setiausaha Kewangan	

## 4. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-59

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-59  
YANG TELAH DIADAKAN  
PADA 15 SEPTEMBER 2021, JAM 10.00 PAGI  
SECARA ATAS TALIAN – APLIKASI ZOOM WEBINAR**

**KEHADIRAN : 938 Orang ahli** (*Dalam talian sehingga jam 12.25 petang*)

### **AGENDA 1: UCAPAN PRESIDEN**

Presiden KKAUM, Sdra. Mazmir bin Mohd Amin memaklumkan kehadiran ahli untuk Mesyuarat Agung Kali ke-59 ini adalah seramai 938 orang ahli. Beliau juga memaklumkan, Buku Laporan Mesyuarat Agung secara dalam talian telah dimuatnaik di laman sesawang rasmi kesatuan pada 8 September 2021 yang lalu.

### **AGENDA 2: MELANTIK TIGA (3) ORANG PEMERIKSA UNDI**

2.1 Presiden Kesatuan membawa usul agar Pemeriksa Undi sedia ada dikekalkan di mana mereka sedang mengira undi di Studio Rumah Kesatuan. Sekiranya mesyuarat bersetuju, beliau memohon seorang penyokong bagi usul ini.

2.2 Sdri. Siti Nordiana binti Khirudin menyokong agar Pemeriksa Undi dikekalkan.

2.3 Mesyuarat bersetuju kekal melantik tiga (3) orang Pemeriksa Undi seperti berikut:

- i. Sdra. Zulkafli bin Muhammad - Kejuruteraan
- ii. Sdra. Ahmad Rudin bin Gimam - CITRA
- iii. Sdri. Sainah binti Kasbollah - Pergigian

### **AGENDA 3: PEMILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KESATUAN SESI 2021-2023**

- 3.1. Presiden KKAUM, Sdra. Mazmir bin Mohd Amin memaklumkan, hanya empat (4) jawatan Pegawai Utama KKAUM yang dipertandingkan pada kali ini iaitu jawatan Timbalan Presiden, Setiausaha Kewangan, Timbalan Setiausaha Kewangan dan Timbalan Setiausaha Agung.
- 3.2. Tiga (3) orang Pemeriksa Undi telah membuat pemeriksaan kotak undi di hadapan semua ahli. Proses pengiraan undi dibuat di Studio Rumah Kesatuan dan hanya melibatkan enam (6) orang individu bertanggungjawab yang telah dipersetujui mesyuarat tadi. Keputusan akan diumumkan pada akhir mesyuarat oleh Ketua Pemeriksa Undi.
- 3.3 Pegawai Utama Kesatuan bagi Sesi 2021 – 2023 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PEGAWAI</b>	<b>JAWATAN</b>
1	Mazmir bin Mohd Amin	Presiden
2	Mohd Rahmat bin Ahmad Saldi	Timbalan Presiden
3	Norshida binti Abdul Manan	Setiausaha Agung
4	Zahariman bin Zainal Abidin	Timbalan Setiausaha Agung
5	Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman	Setiausaha Kewangan
6	Rosli bin Omar	Timbalan Setiausaha Kewangan

- 3.4 Bagi memastikan urusan pentadbiran kesatuan berkaitan dengan pihak **CIMB Bank**, JHEKS dan Gabungan tidak terjejas serta berjalan dengan lancar, sebarang urusan yang melibatkan bayaran kepada pihak ketiga yang memerlukan tandatangan, bayaran secara traksaksi online memerlukan kelulusan dari tiga (3) orang **Pegawai Utama Kesatuan** iaitu **Sdra. Mazmir bin Mohd Amin (Presiden)**, **Sdri. Norshida binti Abdul Manan (Setiausaha Agung)** dan **Sdra. Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman (Setiausaha Kewangan)** berkuatkuasa mulai 15 September 2021.

### **AGENDA 4: PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN LUAR BIASA KALI KE-58**

- 4.1 Presiden memaklumkan kepada semua Ahli bahawa pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa Kali Ke-58 ini tidak boleh dilakukan dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-60 akan datang memandangkan mesyuarat dan laporan tahunan kali ke-58 baru sahaja selesai dilaksanakan. Bagi perkara ini, Presiden meminta dua orang ahli untuk menyokong dan mengesahkan perkara ini.

- 4.2 Sdri. Siti Fatimah binti Wook menyokong dan Sdra. Nasrul Hakim bin Jamaludin mengesahkan agar usul ini diterima dan disemak semula pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-60 akan datang.

#### **AGENDA 5: LAPORAN TAHUNAN KE-59**

- 5.1 Setiausaha Agung Kesatuan, Sdri. Norshida binti Abdul Manan membentangkan Laporan Aktiviti Kesatuan dan meminta semua ahli merujuk di mukasurat 7-19.
- 5.2 Laporan Tahunan Kesatuan Ke-59 ini diterima tanpa pindaan di atas cadangan Sdra. Irwan Saufi bin Alias dan disokong oleh Sdra. Syed Basri bin Syed Yusof.
- 5.3 Sdri. Haiza binti Abdul Latif memohon penjelasan bagi perkara di Agenda 6.16, mukasurat 14, berkenaan Hadiah Cuti Belajar (HLCB) bagi Staf Pelaksana. Presiden menjelaskan pada Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) sebelum ini pihak kesatuan telah mengusulkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi UM untuk menyediakan dua (2) slot kepada staf pelaksana yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di dalam UM dan dibiayai sepenuhnya oleh UM. Perkara ini sedang diperhalusi dan akan dibentangkan semula ke Kesatuan pada bulan Oktober 2021 akan datang. Presiden meminta Sdri. Haiza binti Abdul Latif menghantar cadangan tambahan yang beliau berikan berkenaan cuti belajar secara emel rasmi kepada pihak KKAUM dan dimajukan juga kepada Presiden berkenaan hal ini agar dapat diusulkan ke peringkat tertinggi UM.

#### **AGENDA 6: LAPORAN PENYATA KEWANGAN**

- 6.1 Bagi laporan penyata kewangan untuk tahun 2021 ini, Presiden memaklumkan proses pengauditan tidak dapat dijalankan berikutan syarikat audit tersebut tidak tersenarai di dalam sektor yang dibenarkan beroperasi semasa arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa bulan ini. Maka, laporan audit bagi penyata kewangan akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-60 akan datang.
- 6.2 Setiausaha Kewangan, Sdra. Muhamad Azhar bin Juhari memaklumkan terdapat pertukaran Juruaudit Luar dan ianya telah mendapat persetujuan semasa dibentangkan di dalam Mesyuarat Exco Kesatuan. Surat permohonan pertukaran juruaudit luar ini telah dihantar kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) pada 27 Mei 2021 melalui pos dan emel susulan telah dihantar pada 31 Mei 2021 tetapi tidak mendapat maklumbalas dari pihak JHEKS. Emel susulan berikutnya telah dihantar oleh kesatuan pada 16 Julai 2021, 4 Ogos 2021 dan 17 Ogos 2021. Namun, pada 17 Ogos 2021, pihak JHEKS akhirnya telah memberi maklumbalas dengan meminta beberapa perkara dari Kesatuan untuk dikemaskini. Sehingga ke hari ini, tiada lagi maklumbalas berikutnya dari pihak JHEKS.

#### **AGENDA 7: ANGGARAN BELANJAWAN 2021-2023**

- 7.1 Setiausaha Kewangan membentangkan anggaran belanjawan untuk sesi 2021-2023 seperti yang dilampirkan di mukasurat dua puluh satu (21) untuk kelulusan ahli mesyuarat.



- 7.2 Anggaran belanjawan yang dibentang diterima atas cadangan Sdri. Asmah bin Tumin dan disokong oleh Sdra. Ahmad Nizam bin Said.

#### **AGENDA 8: PELANTIKAN JURUAUDIT DALAM**

- 8.1 Presiden memaklumkan, Sdra. Mohd Hanif bin Shahimi telah menghantar surat perletakan jawatan sebagai Juruaudit Dalam manakala Sdri. Norazleen binti Ramli masih berminat untuk mengekalkan jawatan tersebut. Maka, seorang juruaudit dalam baru perlu dilantik bagi menggantikan Sdra. Mohd Hanif bin Shahimi.
- 8.2 Sdra. Irwan Saufi bin Alias telah menawarkan diri untuk menjadi Juruaudit Dalam dan disokong oleh Sdra. Ahmad Bakhtiar bin Jamil dan Sdri. Hasdharina binti Johari.

#### **AGENDA 9: PELANTIKAN JURUAUDIT LUAR**

- 9.1 Presiden Kesatuan memaklumkan, Juruaudit Luar baharu yang dinamakan adalah Kapt. (PA) V.K Naidu daripada Petaling Jaya. Sekiranya mesyuarat bersetuju, beliau memohon seorang pencadang dan seorang penyokong bagi perkara ini.
- 9.2 Pelantikan Juruaudit Luar diterima atas cadangan Sdra. Latimin bin Keman dan disokong oleh Sdri. Siti Nordiana binti Khirudin.

#### **AGENDA 10: PELANTIKAN PENIMBANG TARA**

- 10.1 Presiden memaklumkan terdapat Pelantikan Penimbang Tara yang baru dan berikut adalah nama-nama yang dicadangkan iaitu:
- i. YBhg. Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (Naib Canselor USM)
  - ii. YBrs. Haji Adnan bin Haji Mat (Presiden Cuepacs)
  - iii. YBrs. Sdra. Ikmal Azam Thanaraj bin Abdullah (Setiausaha Eksekutif Kesatuan Pelaut-Pelaut Semenanjung Malaysia)
  - iv. YBrs. Sdra. Abdul Rahman bin Mohd Nordin (Setiausaha Agung Cuepacs & Presiden Kesatuan Am Universiti Kebangsaan Malaysia)

Sekiranya mesyuarat bersetuju, beliau memohon seorang pencadang dan seorang penyokong bagi perkara ini.

- 10.2 Pelantikan Penimbang Tara diterima atas cadangan Sdra. Azzadin bin Ahmad dan disokong oleh Sdra. Mohd Haizal bin Ismail.

#### **AGENDA 11: PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH**

- 11.1 Presiden memaklumkan, seperti yang semua ahli sedia maklum, Pemegang Amanah sedia ada sedang berkhidmat sebagai Pembantu Pemeriksa Undi. Pihak Kesatuan mencadangkan Pemegang Amanah sedia ada dikekalkan lantikan. Sekiranya mesyuarat bersetuju, beliau memohon seorang pencadang dan seorang penyokong bagi perkara ini.

- 11.2 Pelantikan Pemegang Amanah diterima untuk dikekalkan atas cadangan Sdri. Raja Normala binti Raja Zainal dan disokong oleh Sdri. Asmah bin Tumin
- 11.3. Pemegang Amanah yang telah dipersetujui dikekalkan oleh mesyuarat adalah:
- i. Sdra. Mohd Radzi bin Ahmad - PTM
  - ii. Sdra. Sreedharan a/l VK Raman - Kejuruteraan
  - iii. Sdri. Raja Noorhazila binti Raja Zainal - Pendaftar

#### **AGENDA 12: PELANTIKAN AHLI LEMBAGA TABUNG BIASISWA PELAJARAN KKAUM**

- 12.1 Presiden memaklumkan empat (4) jawatan yang perlu dikekalkan mengikut keputusan undian pemilihan jawatankuasa iaitu Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung dan Setiausaha Kewangan. Lima (5) nama lagi diperlukan untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM yang baru.
- 12.2. Lima (5) orang Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM yang dinamakan dan dilantik adalah seperti berikut:
- i. Sdra. Ahmad Nizam bin Said - Pejabat Keselamatan
  - ii. Sdra. Mohd Afif bin Abu Bakar - JPPHB
  - iii. Sdra. Ahmad Bakhtiar bin Jamil – Ekonomi & Perniagaan
  - iv. Sdri. Nirmala a/p Kandasamy - IAS
  - v. Sdra. Mohd Syawal - Perpustakaan, API
- 12.3 Pelantikan Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM diterima atas cadangan Sdri. N. Senthamarai a/p Nadaraj dan disokong oleh Sdra. Mohd Azmi bin Kamarudin.

#### **AGENDA 13: PELANTIKAN AHLI LEMBAGA TABUNG PEMBANGUNAN UNIVERSITY OF MALAYA GENERAL STAFF UNION (UMGSU)**

- 13.1 Presiden memaklumkan tiga (3) jawatan yang perlu dikekalkan iaitu Presiden, Setiausaha Agung dan Setiausaha Kewangan. Enam (6) nama lagi diperlukan untuk pelantikan Ahli Tabung Pembangunan UMGSU yang baru.
- 13.2. Enam (6) orang Ahli Tabung Pembangunan UMGSU yang dinamakan dan dilantik adalah seperti berikut:
- i. Sdra. Mohd Jalaluddin bin Ahmad - PTM
  - ii. Sdra. Latimin bin Keman - CCO
  - iii. Sdri. Siti Aminah binti Md Amin - HEP
  - iv. Sdra. Fairuz Aizam bin Muhamad Sham - JPPHB
  - v. Sdri. Siti Normazwan binti Mohamad - Perubatan
  - vi. Sdra. Mohd Shahril - Bendahari
- 13.3 Pelantikan Ahli Tabung Pembangunan UMGSU diterima atas cadangan Sdra. Nasrul Hakim bin Jamaludin dan disokong oleh Sdri. Siti Fatimah binti Wook.

## **AGENDA 14: HAL-HAL LAIN DI MANA NOTIS DIBERIKAN**

Dua (2) usul dicadangkan oleh Setiausaha Kewangan, Sdra. Muhamad Azhar bin Juhari dan disokong oleh Sdra. Zaid bin Idris.

### **14.1 Pembukaan Tabung Kebajikan KKAUM (Tujuan ada dalam lampiran)**

Presiden memaklumkan, buat masa ini kesatuan hanya mempunyai tiga (3) tabung sahaja yang digunapakai iaitu Tabung Am, Tabung Biasiswa dan Tabung Pembangunan. Bagi urusan Khairat Kematian ianya akan menggunakan dana dari pemotongan tambahan gaji ahli berdasarkan rekod kematian ahli/ahli bersekutu yang diterima di kesatuan. Cadangan untuk mewujudkan Tabung Kebajikan ini adalah satu perkara yang baik namun pemberian kepada penerima adalah mengikut urusan-urusan tadbir yang melibatkan perubatan, kemalangan, kebakaran atau lain-lain bantuan yang diperlukan bagi ahli-ahli yang terkesan. Jika ahli mesyuarat bersetuju, Jawatankuasa Tabung Kebajikan akan dilantik untuk menilai pemberiannya dengan nilai terhad. Tabung ini juga boleh digunakan untuk sumbangan khairat kematian menggantikan amalan kebiasaan dengan memotong bayaran tambahan daripada ahli. Cadangan adalah nilai anggaran sebanyak RM20,000 berdasarkan nilai 15% daripada keuntungan yang diperolehi Kesatuan. Kewujudan tabung Kebajikan ini akan memberi implikasi kepada pemansuhan penyaluran 15% keuntungan kepada Tabung Pembangunan UMGSU.

Sdra. Ahmad Nizam bin Said membuat pertanyaan iaitu dengan adanya Tabung Kebajikan KKAUM ini ianya akan menimbulkan pertikaian dengan Tabung Zamalah yang dikendalikan oleh Pejabat Pendaftar. Presiden menjelaskan, Tabung Zamalah yang diwujudkan oleh UM adalah terhad untuk ahli yang mencarum sumbangan sahaja sebagai contoh bagi staf pelaksana nilai sumbangan bulanan adalah sebanyak RM2.00 sebulan dan ada diantara ahli KKAUM tidak mencarum dengan Tabung Zamalah UM. Selain dari itu juga, bayaran kepada penerima juga dikendalikan oleh kesatuan sendiri tanpa melibatkan entiti luar.

Sdra. Mohd Haizal bin Ismail pula mencadangkan supaya mewujudkan satu (1) akaun khas bagi ahli kesatuan yang ingin menyumbang secara ikhlas di dalam Tabung Kebajikan. Setiausaha Kewangan menjelaskan, jika dipersetujui, satu (1) akaun khas akan diwujudkan bagi sesiapa yang ingin menyumbang dan akan dimaklumkan kepada semua ahli.

Sdra. Jabaruddin bin Jaafar mencadangkan perincian Tabung Kebajikan KKAUM diserahkan kepada Pegawai Kesatuan dan Jawatankuasa Khas yang akan dilantik kemudian.

Melihat kepada kepentingan dan keperluan kedua-dua (2) tabung, Presiden mencadangkan agar 15% nilai keuntungan KKAUM yang dicadangkan untuk Tabung Kebajikan dibahagi dua (2) dengan Tabung Pembangunan. Dicapangkan 8% untuk Tabung Kebajikan dan 7% untuk Tabung Pembangunan. Setiausaha Kewangan memaklumkan, nilai keuntungan KKAUM terkini adalah RM99,854.45 bagi tempoh satu (1) tahun.

Usul pembukaan Tabung Kebajikan KKAUM ini diterima atas cadangan Sdra. Ahmad Nizam bin Said dan Sdra. Norhisham serta disokong oleh Sdri. Siti Aisha binti Hasan daripada Perubatan dan Sdra. Norazlan bin Dahlim daripada Pergigian.

Presiden memaklumkan bagi tujuan ini empat (4) jawatan yang perlu dikekalkan iaitu Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung dan Setiausaha Kewangan. Lima (5) nama lagi diperlukan untuk pelantikan Jawatankuasa Tabung Kebajikan KKAUM.

Lima (5) orang Jawatankuasa yang telah dinamakan dan dilantik adalah seperti berikut:

- i. Sdra. Mohd Haizal bin Ismail - CCO
- ii. Sdri. Rabiatul Mardhiah - Perubatan
- iii. Sdri. Nosriah binti Ismail - Perubatan
- iv. Sdri. Najiah binti Abdullah - Bendahari
- v. Sdri. Asmah binti Tumin – ISM, Sains

Perlantikan Jawatankuasa ini diterima dengan sokongan majoriti semua ahli mesyuarat antaranya Sdri. Jumriah Hiji daripada Perubatan, Sdri. Juliana daripada Bendahari, Sdri. Siti Haslina daripada Fak.Undang-Undang dan Sdra. Shaiful daripada Perubatan.

Surat lantikan akan disediakan oleh Setiausaha Agung dan mesyuarat permulaan akan diadakan. Kertas usul akan dipinda berdasarkan perubahan yang dipersetujui. TOR akan disediakan dan akan dimaklumkan kemudian.

#### 14.2 Penambahan Kategori bagi Penerima Biasiswa KKAUM

Presiden memaklumkan, penerima biasiswa tertinggi sedia ada hanya di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Usul yang dicadangkan ini adalah untuk ahli KKAUM dan ahli bersekutu KKAUM yang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana (*Masters*). Ditekankan hanya layak untuk diri ahli KKAUM sahaja. Nilai akan diputuskan oleh Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM. Sekiranya mesyuarat bersetuju, beliau memohon dua (2) orang penyokong bagi perkara ini.

Usul ini diterima atas sokongan Sdra. Devagar, Sdra. Selamat bin Lajis serta Sdri. Haiza binti Abdul Latif daripada Wisma RND.

### **AGENDA 15: HAL-HAL LAIN**

- 15.1 Sdra. Jabaruddin bin Jaafar mencadangkan elaun kehadiran kali ini dibayar sebanyak RM180.00 seorang memandangkan Mesyuarat Agung telah ditangguhkan dua (2) tahun dan beliau mohon sokongan dari ahli mesyuarat yang lain. Setiausaha Kewangan memaklumkan, anggaran belanjawan yang telah dibuat pada tahun 2020 bagi Mesyuarat Agung adalah maksima RM45,000.00 sahaja. Jika menerima cadangan yang diutarakan, bayaran elaun kehadiran adalah  $RM180.00 \times 1550 \text{ orang} = RM279,000.00$ . Beliau juga memaklumkan, jika perlu pertambahan belanjawan, perlu diusulkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan KKAUM dengan menggunakan peruntukan lain. Beliau mencadangkan, elaun kehadiran maksima adalah RM30.00 sahaja. Bagi memurnikan keputusan berkenaan elaun kehadiran yang diusulkan, Presiden bersama Pegawai Utama Kesatuan bersetuju meluluskan pembayaran elaun kehadiran dengan kadar maksima RM50.00 seorang bagi Mesyuarat Agung Tahunan KKAUM kali ke-58 & ke-59.

- 15.2. Sdra. Ahmad Nizam bin Said mencadangkan agar diwujudkan Tabung Bantuan COVID-19 untuk diberikan kepada semua ahli. Ini kerana perbelanjaan yang tidak digunakan untuk dua (2) tahun ini boleh digunakan untuk memberi tambahan elaun kehadiran kepada semua ahli. Presiden memaklumkan, anggaran belanjawan yang telah dibentangkan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan jika tidak digunakan pada tahun semasa.
- 15.3 Bagi isu status tanah kesatuan, Sdra. Mohd Haizal bin Ismail mencadangkan agar bayaran dibuat secara ansuran dan bersyarat dimana tanah tersebut tidak akan dikomersialkan dan beliau turut bertanya perancangan Kesatuan dalam usaha mengkomersialkan tanah tersebut bagi menambah pendapatan Kesatuan. Presiden menerangkan semula bahawa, Pihak Pejabat Tanah telah memaklumkan bayaran hanya secara *lumpsum* sahaja dan tiada bayaran secara ansuran yang boleh dibuat. Bangunan di atas tanah kesatuan tersebut kini adalah sebuah sekolah antarabangsa (German International School) 4 tingkat di mana secara dasarnya kesatuan telah menyalahgunakan status tanah tersebut menggunakan status kediaman. Status komersial juga penting kerana pihak Sekolah terbabit perlu untuk membawa guru-guru daripada luar negara dan memerlukan kelulusan pihak MBPJ dengan status komersial. Tetapi memandangkan kesatuan ini adalah di bawah institusi pendidikan dan tidak menjana keuntungan, maka kesatuan masih diberi tempoh dan ruang kerana status tanah kini adalah semi-komersial. Oleh yang demikian, perlu dinaiktaraf sebagai status komersial untuk mendapat taraf tapak sekolah.
- 15.4 Sdra. Ahmad Nizam bin Said mengajukan persoalan berkenaan cuti sakit dan cuti gantian kerja lebih masa. Cuti sakit sedia ada yang diberikan oleh pihak Bahagian Sumber Manusia adalah 90 hari. Berlaku keciciran pengemaskinian cuti sakit lanjutan pada tahun-tahun terdahulu atas sebab tidak dikemaskini oleh pihak Bahagian Sumber Manusia dan memberikan kesan kepada kakitangan yang akan berpencen. Cuti gantian kerja lebih masa pula hanya dihadkan sah selama enam (6) bulan sahaja untuk dihabiskan. Memandangkan sepanjang pandemik melanda, cuti tersebut tidak dapat diambil dan beliau memohon hal ini dapat dipanjangkan oleh pihak Kesatuan kepada pengurusan UM. Presiden meminta Sdra. Ahmad Nizam menghantar emel segera secara rasmi kepada pihak KKAUM dan turut dimajukan kepada Presiden agar dapat diusulkan ke peringkat pengurusan UM.
- 15.5 Pengerusi Majlis, Sdra. Muhammad Kamalrul Ariffin bin Mohd Shariffuddin memaklumkan terdapat banyak persoalan yang diajukan oleh ahli KKAUM di ruangan *chatbox* dan Q&A. Beliau mencadangkan agar persoalan-persoalan dapat dimajukan melalui emel rasmi KKAUM dan salinan kepada Presiden. Presiden memaklumkan kepada semua ahli bagi persoalan-persoalan yang melibatkan penjawatan, tempat kerja, proses kerja dan apa-apa yang melibatkan fungsi harian di tempat kerja, pihak kesatuan sedia memperhalusi mana-mana persoalan untuk memudahkan semua pihak. Emel tersebut perlu secara ringkas dengan persoalan kenapa, sebab dan cadangan penambahbaikan atau implikasi sekiranya ada..
- 15.6 Sdra. Mohamad Zukni mempersoalkan mengapa pembayaran lewat dibuat bagi status tanah ini dan beliau risau penyewa sedia ada tidak berminat lagi untuk menyewa di atas tanah kesatuan. Presiden memaklumkan, nilai RM1.5 juta adalah besar dan perlu diperhalusi sebaiknya dan kelewatan pembayaran bukan disengajakan malah perlu mengambil kira banyak perkara. Semakan yang dibuat semula dengan Pegawai Tanah, juga menyatakan dua (2) nilai perlu dibuat bersama iaitu perubahan status perumahan kepada status komersial dengan nilai

anggaran berjumlah RM1.5 juta dan penambahan tempoh pajakan tanah yang berbaki 9 tahun kepada 30 tahun lagi dengan kiraan baru anggaran RM1.8 juta. Jumlah nilai berjumlah anggaran RM3.2 juta dengan bayaran secara *lumpsum*.

#### **AGENDA 16: UCAPAN PENANGGUHAN**

- 16.1 Presiden KKAUM, Sdra. Mazmir bin Mohd Amin selaku pengerusi mesyuarat secara rasminya membubarkan Pegawai Utama Kesatuan bagi sesi 2019-2021.
- 16.2 Presiden meminta wakil Pemeriksa Undi untuk mengumumkan keputusan pemilihan Pegawai Utama Kesatuan bagi sesi 2021-2023. (*Keputusan lengkap Rujuk Agenda 3. Perkara 3.3*).
- 16.3 Sdra. Zulkafli bin Muhammad selaku wakil Pemeriksa Undi telah mengumumkan keputusan pemilihan.

##### **NAMA CALON**

##### **PRESIDEN**

Mazmir bin Mohd Amin	Menang Tanpa Bertanding
----------------------	-------------------------

##### **NAMA CALON**

##### **SETIAUSAHA AGUNG**

Norshida binti Abdul Manan	Menang Tanpa Bertanding
----------------------------	-------------------------

##### **NAMA CALON**

##### **TIMBALAN PRESIDEN**

	<b>BIL. UNDI</b>	<b>STATUS</b>
Mohd Rahmat bin Ahmad Saldi	478	Menang
Muhamad Azhar bin Juhari	200	
	Undi Diterima	678
	Undi Rosak	-

##### **NAMA CALON**

##### **TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG**

	<b>BIL. UNDI</b>	<b>STATUS</b>
Zahariman bin Zainal Abidin	509	Menang
Fauziah binti Abdul Bab	168	-
	Undi Diterima	678
	Undi Rosak	1

<b>NAMA CALON SETIAUSAHA KEWANGAN</b>	<b>BIL. UNDI</b>	<b>STATUS</b>
---	------------------	---------------

Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman	490	Menang
------------------------------------	-----	--------

Azehir bin Bahari	186	-
	Undi Diterima	679
	Undi Rosak	3

<b>NAMA CALON TIMBALAN SETIAUSAHA KEWANGAN</b>	<b>BIL. UNDI</b>	<b>STATUS</b>
--	------------------	---------------

Rosli bin Omar	537	Menang
----------------	-----	--------

N. Senthamarai a/p Nadaraj	129	-
	Undi Diterima	678
	Undi Rosak	12


Mesyuarat ditangguhkan jam 2.26 petang.

Dicatat Oleh :



RUHAIDA BINTI BAHRU

Dicatat Oleh :




FARALIZA BINTI ALIAS

Disemak oleh:



NORSHIDA BINTI ABDUL MANAN

Disahkan oleh:



MAZMIR BIN MOHD AMIN

## 5. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Luar Biasa Kali Ke-60

**MINIT MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA KALI KE-60  
YANG TELAH DIADAKAN  
PADA 30 Mac 2023, JAM 10.00 PAGI  
AUDITORIUM MOHD ASRI MUDA, AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**

**KEHADIRAN : 810 orang ahli (sehingga jam 11.30 pagi)**

### **UCAPAN PRESIDEN**

Presiden KKAUM, Sdra. Mazmir bin Mohd Amin memaklumkan kehadiran ahli untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa Kali ke-60 ini adalah seramai 810 orang (sehingga jam 11.30 pagi). Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang sudi hadir ke mesyuarat ini. Pada mesyuarat kali ini, beberapa perkara akan dibentangkan untuk pemakluman kepada semua ahli.

Bermulanya 1 April ini beberapa aktiviti dan program telah dirancang dan akan diadakan oleh beberapa jawatankuasa antaranya adalah Jawatankuasa Wanita, Belia dan Sosial. Presiden memaklumkan semula kepada semua ahli seperti mana yang telah beliau ucapkan pada Majlis Makan Malam yang berlangsung pada bulan Disember 2022 yang lalu bahawa satu karnival akan diadakan sempena tahun ke 60 penubuhan KKAUM bagi menggantikan Majlis Makan Malam pada tahun 2023 ini. Satu pembentangan berkenaan perkara ini akan dibuat sebentar nanti.

Seperti semua sedia maklum satu Sesi Dialog (*Town Hall*) Isu Semasa Untuk Staf Operasi (Gred 1-19) "*MENGENAL PASTI PERMASALAHAN PEKERJA DAN PROSES KERJA DI PERINGKAT AKAR UMBI*" telah diadakan pada 22 Februari 2023 di Auditorium Kompleks Perdanasiswa. Beberapa perkara telah dikupas dan ditafsirkan pada sesi dialog tersebut dan beberapa perkara akan dibawa ke Mesyuarat Bersama Jabatan pada 31 Mac 2023 ini antaranya adalah:

- Pinjaman kebajikan staf dari RM1,500 telah dinaikkan kepada RM2,000 bermula tahun 2023 (Secara dasarnya ianya telah diterima dan diluluskan pada mesyuarat lepas).
- Pembayaran balik pembelian kasut secara terus ke akaun penerima tanpa proses tuntutan (claim) bagi pembelian kasut, tudung dan upah jahit baju.
- Pelaksanaan kenaikan pangkat secara One Off Gred H14 Universiti
- Keperluan membaca buku dicadangkan untuk dikeluarkan di dalam system dan rekod bukti kerja di dalam KPI bagi Gred 14 ke bawah
- Pelantikan staf tetap baru bagi Gred 11-29 di cadangkan untuk proses pemilihan diperingkat dalaman sahaja.

Terdapat pertanyaan dari ahli bersekutu berkenaan buku laporan tahun tidak dicetak seperti kebiasaannya bagi tujuan bacaan ahli. Presiden memaklumkan bahawa kos cetakan semakin tinggi dan sebagai langkah penjimatan dan mengikut slogan "Save the Environment" yang digunakan oleh Universiti buku laporan tersebut telah dimuatnaik ke dalam laman web kesatuan bagi tujuan bacaan bersama oleh ahli. Memandangkan kita berada di zaman berteknologi tinggi perkara ini tidak menjadi halangan kepada mana-mana pihak untuk mengakses dokumen tersebut.



Untuk makluman semua permohonan bantuan Tabung Biasiswa Pelajaran KKAUM bagi tahun 2023 telah dibuka pada 17 Februari 2023 yang lalu dan majlis penyerahan bantuan tersebut dijangka akan diadakan pada 10 Mei 2023 akan datang. Presiden mengingatkan kepada ahli yang berkecualan untuk menghantar borang permohonan sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

#### **AGENDA 1: MENERIMA LAPORAN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022**

Setiausaha Kewangan telah membuat pembentangan bagi Laporan Kewangan berakhir 31 Mac 2022.

- **Menerima Laporan Kewangan & Penyata 1 April 2021 - 31 Mac 2022**
- **Menerima Laporan Tabung Biasiswa Pelajaran 1 April 2021 - 31 Mac 2022**
- **Menerima Laporan Tabung Pembangunan KKAUM 1 April 2021 - 31 Mac 2022**

Laporan kewangan yang dibentangkan diterima atas cadangan Sdra. Zolkifli bin Abdul Razak dari Kesarjanaan Digital & Maklumat Semesta dan disokong oleh Sdra. Nor Azman bin Husain dari Jabatan Teknologi Maklumat.

#### **AGENDA 2: ANGGARAN BELANJAWAN 2022 - 2024**

Setiausaha Kewangan membentangkan anggaran belanjawan untuk sesi 2022-2024 seperti yang dilampirkan di mukasurat empat puluh satu (41) untuk kelulusan ahli mesyuarat.

Presiden memaklumkan kepada semua ahli terdapat sedikit perubahan pada perbelanjaan pada tahun ini dimana Majlis Makan Malam telah ditukarkan kepada program Karnival 60 Tahun KKAUM. Lain-lain perbelanjaan adalah sama seperti sebelum ini. Namun begitu, satu Majlis Hi Tea akan diadakan pada penghujung tahun 2023 ini bagi meraikan ahli yang akan/telah bersara untuk tahun 2023

Anggaran belanjawan yang dibentang diterima atas cadangan Sdra. Zolkifli bin Abdul Razak dari Kesarjanaan Digital & Maklumat Semesta dan disokong oleh Sdra. Nor Azman bin Husain dari Jabatan Teknologi Maklumat.

#### **AGENDA 3: KARNIVAL KKAUM KE-60**

Merujuk kepada agenda 3 pada mesyuarat kali ini, Presiden telah membuat pembentangan berkenaan satu karnival yang akan diadakan bagi meraikan pencapaian kesatuan untuk tahun yang ke 60.

Karnival akan diadakan pada 20 Mei 2023 di Padang C, Universiti Malaya setelah mengambil kira lokasi, masa dan kesesuaian program. Ini bagi memastikan semua ahli dan ahli bersekutu dapat hadir menjayakannya. Pada masa karnival itu berlangsung terdapat pelbagai booth yang akan menyediakan makanan dan juga aktiviti sukan rakyat. Selain dari ahli kesatuan, ahli keluarga juga dijemput hadir sama kerana terdapat sukan yang dirancang melibatkan kanak-kanak.

Slide pembentangan telah dipaparkan untuk memperlihatkan anggaran perbelanjaan yang akan digunakan pada masa karnival tersebut.

Anggaran belanjawan yang dibentang diterima atas cadangan Sdra. Mohd Fauzie bin Pamuji dari Fakulti Sastera & Sains Sosial dan disokong oleh Sdra. Rosli bin Abdullah dari Fakulti Sains.

## **Hal-Hal Lain**

Sdri. Raja Normala binti Raja Zainal @ Raja Khairun dari CCDE meminta kesatuan untuk memohon kepada pihak pengurusan untuk memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman kebajikan dari kelulusan sedia ada iaitu 10 bulan kerana jumlah pinjaman telah dinaikkan sebanyak RM2,000. Jika dibahagikan kepada 10 bulan jumlah bayaran balik adalah sebanyak RM200 sebulan dimana jumlah itu agak tinggi bagi ahli yang betul-betul memerlukannya. Presiden memaklumkan kesatuan tiada masalah untuk membawa dan memanjangkan perkara ini ke peringkat atasan tetapi kesatuan memerlukan surat permohonan dari ahli berkenaan perkara ini

Selain dari itu, Sdri. Raja Normala binti Raja Zainal @ Raja Khairun memohon kesatuan untuk memendekkan tempoh untuk menjadi Ahli bersekutu daripada 20 tahun ke 15 tahun. Bagi tujuan ini Presiden memberitahu usul perlu dihantar kepada kesatuan untuk dibawa ke Mesyuarat Agung yang dijangka akan diadakan pada September 2023 akan datang kerana melibatkan perubahan dalam buku perlembagaan.

Beliau juga meminta supaya bayaran elaun kehadiran mesyuarat diberikan sebanyak RM180 seorang kepada setiap ahli kerana pada masa PKP yang lalu mesyuarat tidak diadakan. Presiden menyanggah perkara ini kerana mesyuarat telah diadakan secara online pada 2021 yang lalu dan semua yang hadir secara online telah dibayar elaun sebanyak RM50. Sekiranya bayaran sebanyak RM180 diberikan ianya telah melebihi berkali ganda dari peruntukan yang dibenarkan. Seperti semua sedia maklum setiap tahun kesatuan ini akan di audit oleh Juruaudit Dalam, Juruaudit Luar dan JHEKS dan oleh yang demikian Pegawai di kesatuan perlu melaksanakan amanah yang diberikan dalam mentadbir urus perbelanjaan berdasarkan kelulusan yang diberikan.

Presiden memutuskan bayaran maksimum yang boleh diberikan pada mesyuarat kali ini adalah sebanyak RM50 seorang x 810 orang ahli setelah mengambil kira jumlah yang akan dikeluarkan berdasarkan anggaran perbelanjaan tahunan yang diluluskan sebelum ini. Walaupun Majlis Makan Malam tidak diadakan ianya telah digantikan dengan Karnival yang menggunakan peruntukan yang sama berdasarkan anggaran pendapatan. Sekiranya ianya dilaksanakan akan menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi dan kesatuan akan dikenakan tindakan oleh pihak JHEKS.

Tuan Haji Jabaruddin bin Jaafar pula membuat pertanyaan berkenaan status tanah Wisma KKAUM samada bayaran premium penukaran status telah didenda atau tidak oleh Pejabat Tanah & Galian. Setiausaha Kewangan memaklumkan tiada tindakan dikenakan kerana kesatuan akan membuat penyambungan pajakan tanah terlebih dahulu sebelum tindakan selanjutnya dapat dibuat. Selain dari itu, Tuan Haji Jabaruddin bin Jaafar meminta supaya ahli bersekutu juga turut dijemput pada Mesyuarat Agung pada bulan September akan datang dan kesatuan mengambil maklum berkenaan perkara ini.

Sdri N. Senthamarai a/p Nadaraj membuat cadangan lain dimana ahli yang hadir sehingga tamat mesyuarat diberikan elaun tambahan sebanyak RM15.00 atas kesetiaan menunggu sehingga majlis tamat namun mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan jumlah elaun yang telah dimaklumkan oleh Presiden sebelum ini.

Sdra. Zolkifli bin Abdul Razak memberitahu isu pertukaran staf masih lagi menjadi isu hangat dimana terdapat staf yang bertukar berasa tidak seronok bertugas di tempat yang baru walaupun perkara ini telah berbulan lamanya ianya dilaksanakan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan namun tiada tindakan susulan dibuat kepada staf berkenaan. Presiden memaklumkan dalam pertukaran dalaman ini memang terdapat staf yang memang suka untuk ditukarkan kerana ingin beralih angin ke tempat kerja yang baru dan ada staf yang tidak suka kerana berasa selesa berada di satu tempat kerja sahaja. Bagi tujuan ini, Jabatan Sumber Manusia dan CCDE telah mengambil inisiatif dengan mengadakan satu program "Happy at Work" kepada staf yang telah ditukarkan dan mereka mengambil maklum berkenaan perkara ini. Presiden juga mengingatkan bahawa semasa kita

menandatangani surat penerimaan jawatan memang telah termaktub isu penempatan tempat bertugas kepada staf dan kita perlu akur berkenaan perkara ini walaupun ianya akan mengambil masa untuk menerimanya. Presiden juga bertanyakan kepada Sdra. Zolkifli bin Abdul Razak sekiranya benar perkara ini tidak perlu diteruskan untuk fasa ke 4 yang akan dibuat tidak lama lagi, kesatuan akan membuat satu usul kepada Universiti untuk menagguhkan atau membatalkan terus pertukaran staf. Sdra. Zolkifli bin Abdul Razak tidak bersetuju dan meminta perkara ini harus diteruskan supaya adil kepada mereka yang telah ditukarkan bagi fasa 1 – 3 yang lepas.

Sdri Suryana binti Sukadi dari Akademi Pengajian Melayu memaklumkan pada pemilihan exco akan datang ianya perlulah telus dan adil. Presiden memberitahu sekiranya ahli berasa was-was dan takut borang pencalonan tidak sampai ianya perlu di hantar terus ke Pejabat Kesatuan dan tiada isu atau sebab untuk exco mahupun wakil yang ada untuk menyorokkan borang. Sekiranya terdapat bukti berkenaan perkara ini aduan boleh dihantar terus kepada kesatuan bagi tindakan selanjutnya.

Sdra. Wan Mohd Azizi bin Wan Muhamin memohon kesatuan untuk membawa isu berkenaan tuntutan kerja lebih masa supaya tiada sekatan sekiranya melebihi 1/3 dari jumlah yang diberikan kerana terdapat staf yang sememangnya tugas kerja mereka diperlukan untuk bertugas melebihi dari tempoh masa kerja yang ditetapkan. Kesatuan mengambil maklum perkara ini dan akan membuat perbincangan bersama dengan pihak Jabatan Sumber Manusia untuk mencari jalan penyelesaian sebelum ianya dibawa ke peringkat pengurusan.

Sdri. Nur Izuana binti Alias dari Fakulti Perniagaan dan Ekonomi memaklumkan beliau tinggal dan berulang alik dari Slim River ke Universiti Malaya setiap hari. Isu yang ingin dibawa adalah tiada klinik panel UM di sekitar kawasan rumahnya dan sekiranya beliau dan ahli keluarga memerlukan rawatan perubatan mereka perlu pergi terus ke Klinik Kesihatan atau Hospital Slim River yang berdekatan. Memandangkan masa klinik kesihatan yang terhad beliau telah ke klinik swasta yang berdekatan untuk menerima rawatan namun apabila ingin membuat tuntutan semula ianya telah ditolak oleh Jabatan Sumber Manusia dan beliau diminta untuk terus ke Hospital bagi tujuan rawatan. Perkara ini diambil maklum dan tindakan susulan akan dibuat dengan pihak yang berkenaan.

Sebagai penutup mesyuarat Presiden mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat ditangguh pada jam 11.51 pagi.

Disemak oleh:

  
.....  
NORSHIDA BINTI ABDUL MANAN

Disahkan oleh:

  
.....  
MAZMIR BIN MOHD AMIN

## 6. Menerima Laporan Tahunan ke 61

### 6.1 Pegawai Utama Kesatuan

1. Sdra. Mazmir bin Mohd Amin	Presiden
2. Sdra. Mohd Rahmat bin Ahmad Saldi	Timbalan Presiden
3. Sdri. Norshida binti Abdul Manan	Setiausaha Agung
4. Sdra. Zahariman bin Zainal Abidin	Timbalan Setiausaha Agung
5. Sdra. Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman	Setiausaha Kewangan
6. Sdra. Rosli bin Omar	Timbalan Setiausaha Kewangan

### Wakil-Wakil Fakulti/Akademik/Pusat/ Kolej (PTJ)

1. Sdra. Depry Sitara b. Kamaini	Pentadbiran/Canseleri/ISC
2. Sdra. Mohamad Hafiz b. Abdul Hamid	Pentadbiran/Canseleri/ISC
3. Sdra. Muhamad Hafizie b. Muhamad Sofi	Fak. Sains
4. Sdra. Nadzrul Jamal b. Jamaludin	Fak. Sains
5. Sdra. Muhammad Ariff b. Kamaruddin	Kesarjanaan Digital & Maklumat Semesta/Muzium Seni Asia
6. Sdra. Mohd Asri b. Jumaah	Kesarjanaan Digital & Maklumat Semesta/Muzium Seni Asia
7. Sdra. Muhammad Kamalrul Ariffin b. Mohd Shariffuddin	Kejuruteraan/Undang <sup>2</sup> /Alam Bina
8. Sdra. Mohd Illzam b. Ishak	Kejuruteraan/Undang <sup>2</sup> /Alam Bina
9. Sdri. Noor Ilham Aliya bt. Zulkifli	Pusat Asasi Sains/Penerbit
10. Sdra. Nor Azlan b. Dahlim	Fak. Pergigian
11. Sdri. Nor Azrina bt. Isa	Fak. Pergigian
12. Sdri. Siti Noor Rabiatal Madia bt. Malek Razuan	Fak. Perubatan
13. Sdra. Mohamad Helmi b. Hj. Harun	Fak. Perubatan
14. Sdri. Zaridah bt. Md Nadzir	FSSS
15. Sdri. Siti Aminah bt. Mat Amin	Kolej/Kebudayaan/HEP/Klinik Pelajar
16. Sdri. Shahrafidzalina bt. Khalid	Kolej/Kebudayaan/HEP/Klinik Pelajar
17. Sdra. Zainorin b. Yatni	Kolej/Kebudayaan/HEP/Klinik Pelajar
18. Sdra. Mohd Afiffudin b. Mohd Ali	FSKTM/APM
19. Sdra. Idris b. Ibrahim	FEP/FPP
20. Sdri. Suzana bt. Muhamad Zain	Akademi Pengajian Islam
21. Sdra. Norrahimie b. Ramli	JPPHB
22. Sdra. Mohd Akmal b. Mohd Yusof	JPPHB
23. Sdra. Muhammad Asri b. Kamarudin	Bendahari
24. Sdra. Mohd Huzairi b. Mohd Hussin	Pusat Sukan
25. Sdra. Muhamad Amin b. Jenal	JTM
26. Sdri. Siti Rosniza bt. Mohd Taib	IPS/IPPP/IAE/Ladang/Inpuma
27. Sdra. Azri Fazli bin Mohd Omar	Pendidikan/Citra
28. Sdra. Mohd Shukri b. Ramli	Pejabat Keselamatan
29. Sdri. Nur Shaliza Anis binti Mohd Shakri	FBL

*\*Kehadiran mesyuarat seperti di lampiran*

## 6.2 Pemeriksa Undi

1. Sdra. Zulkafli bin Muhammad
2. Sdri. Sainah binti Kasbollah
3. Sdra. Ahmad Rudin bin Gimam

## 6.3 Juruaudit Dalam

1. Sdri. Norazleen binti Ramli
2. Sdra. Irwan Saufi bin Alias

## 6.4 Juruaudit Luar

Tetuan Selva & Associates  
Suite 301, 3<sup>rd</sup> Floor, Blok A4  
Leisure Commerce Square  
46150 Petaling Jaya, Selangor

## 6.5 Penimbang Tara

1. YBhg. Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan      Mantan Naib Canselor USM
2. YBr. Dato' Haji Adnan bin Haji Mat      Presiden Cuepacs
3. YBr. Sdra. Ikmal Azam Thanaraj bin Abdullah      Setiausaha Eksekutif Kesatuan Pelaut-Pelaut Semenanjung Malaysia
4. YBr. Sdra. Abdul Rahman bin Mohd Nordin      Setiausaha Agung Cuepacs & Presiden Kesatuan Am Universiti Kebangsaan Malaysia)

## 6.6 Pemegang Amanah

1. Sdra. Mohd Radzi bin Ahmad      Perubatan
2. Sdra. Sreedharan a/l VK Raman      Kejuruteraan
3. Sdri. Raja Noorhazila binti Raja Zainal      Pendaftar

## 6.7 Ahli Lembaga Tabung Biasiswa Pelajaran

1. Sdra. Mazmir bin Mohd Amin      Presiden
2. Sdra. Mohd Rahmat bin Ahmad Saldi      Timbalan Presiden
3. Sdri. Norshida binti Abdul Manan      Setiausaha Agung
4. Sdra. Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman      Setiausaha Kewangan
5. Sdra. Ahmad Nizam bin Said      Pejabat Keselamatan
6. Sdra. Afif bin Abu Bakar      Pergigian
7. Sdra. Ahmad Baktiar bin Jamil      Perniagaan dan Ekonomi
8. Sdri. Rahmah binti Ahmad      JTM
9. Sdri. Nirmala a/p Kandasamyn      Institut Pengajian Termaju

## 6.8 Ahli Lembaga Tabung Pembangunan KKAUM

1.	Sdra. Mazmir bin Mohd Amin	Presiden
2.	Sdri. Norshida binti Abdul Manan	Setiausaha Agung
3.	Sdra. Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman	Setiausaha Kewangan
4.	Sdra. Mohd Jalaluddin bin Ahmad	JTM (berhenti dari UM 2022)
5.	Sdra. Latimin bin Keman	CCO
6.	Sdra. Fairuz Aizam bin Muhamad Sham	JPPHB
7.	Sdra. Sharil bin Muhamad	Perubatan
8.	Sdri. Siti Aminah bin Mat Amin	HEP
9.	Sdri. Siti Normazwan binti Mohamad	Perubatan

## 6.9 Ahli Tabung Kebajikan

1.	Sdra. Mazmir bin Mohd Amin	Presiden
2.	Sdra. Mohd Rahmat bin Ahmad Saldi	Timbalan Presiden
3.	Sdri. Norshida binti Abdul Manan	Setiausaha Agung
4.	Sdra. Muhammad Ruhaifi bin Kamarul Zaman	Setiausaha Kewangan
5.	Sdri. Nosrihah binti Ismail	Perubatan
6.	Sdra. Mohd Haizal bin Ismail	Pejabat Komunikasi Korporat
7.	Sdri. Siti Noor Rabiatulmadia binti Malek Razuan	Perubatan
8.	Sdri. Nor Najjah binti Abdullah	Pejabat PNC
9.	Sdri. Asmah binti Tumin	Sains

## 6.10 Keahlian Kesatuan

Berikut adalah senarai terkini keahlian kesatuan:

Bil	Perkara	Jumlah
1	Keahlian terkini sehingga Ogos 2023	2029
2	Ahli Bersekutu	778
3	Ahli Bersara dan Berhenti	61
4	Permohonan Ahli Baru dari Ogos 2022-Sep 2023	132
5	Permohonan Ahli Bersekutu 2023	43

Senarai nama ahli telah menamatkan perkhidmatan wajib dan persaraan pilihan di Lampiran B dan senarai nama ahli semasa dan ahli bersekutu yang meninggal dunia seperti di Lampiran C.

## 6.11 Wisma KKAUM

Wisma KKAUM merupakan sumber pendapatan utama kewangan kesatuan. Wisma ini yang berada di Lorong Utara B masih disewa kepada Persatuan Sekolah German dengan bayaran sebanyak RM49,500.00 sebulan. Kontrak penyewaan yang telah tamat pada bulan Julai 2023 telah dibuat penyambungan dan harga sewaan telah dinaikkan sebanyak 5% menjadikan jumlah bulanan menjadi sebanyak RM51,975.00

## 6.12 Laporan Gabungan CUEPACS

Wakil Majlis Kongres	Sdri. Norshida binti Abdul Manan
Wakil Bahagian Wanita	Sdri. Norshida binti Abdul Manan
	Sdri. Nur Shaliza Anis binti Mohd Shakri
Gred Pentadbiran, Sokongan & Sosial	Sdri. Siti Rosniza binti Mohd Taib
	Sdri. Suzana binti Muhamad Zain
Gred Kejuruteraan	Sdra. Rosli bin Omar
	Sdra. Muhammad Kamalrul Ariffin bin Mohd Shariffuddin
Gred Kewangan & Teknologi Maklumat	Sdri. Norazleen binti Ramli
	Sdra. Muhammad Asri bin Kamarudin
Gred Sains, Penyelidikan & Pembangunan	Sdra. Muhamad Hafizie bin Muhamad Sofi
	Sdri. Nurul Khairyah binti Abas
Gred Badan Berkanun	Sdra. Azri Fazli bin Omar
	Sdra. Zahariman bin Zainal Abidin
Gred Perubatan & Kesihatan	Sdri. Siti Noor Rabiatulmadia binti Malek Razuan
